

## **GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH PEREKACIPTA**

### **1.0 NAMA ANUGERAH**

Anugerah Perekacipta

### **2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH**

Anugerah ini diberikan kepada staf akademik yang telah menunjukkan pencapaian yang tinggi dan berimpak dalam aktiviti perlindungan dan pengkomersialan harta intelek. Aktiviti perlindungan harta intelek seperti penghantaran permohonan perlindungan harta intelek (*IP Disclosure Form*), pemfailan dan penerimaan perlindungan harta intelek dalam pelbagai kategori. Pengkomersialan harta intelek pula dinilai dari tahap pra-komersialisasi hingga ke tahap pengkomersialan produk. Selain daripada kriteria tersebut, anugerah dan pengiktirafan dalam dan luar negeri serta impak reka cipta terhadap komuniti, industri dan alam sekitar juga diambil kira dalam penilaian tersebut.

### **3.0 KATEGORI ANUGERAH**

Kategori yang dicadangkan adalah dua kategori individu berdasarkan bidang Sains & Teknologi dan Sains Sosial.

### **4.0 KRITERIA/SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

#### **Syarat Utama:**

1. Pencalonan dibuka kepada semua staf akademik, individu yang telah mendapatkan sekurang-kurangnya satu harta intelek yang berdaftar dengan MyIPO/ICC.
2. Pengkomersialan harta intelek perlu melalui PTJ yang berkaitan (UTIM, Syarikat Hiliran, UTSB).
3. Semua bahan bukti adalah diwajibkan dan perlu dihantar bersama dengan borang permohonan yang telah lengkap dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/PTJ. Borang Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Bagi permohonan pencalonan baru, data yang dikira adalah bagi sepanjang tempoh perkhidmatan perekacipta. Bagi pencalonan semula untuk calon yang pernah memenangi Anugerah ini, data diambil kira bermula dari tahun selepas tahun kemenangan.
5. Hanya seorang pemenang akan dinobatkan untuk setiap bidang dengan markah minimum pemenang ialah sebanyak 80% atau mana-mana dengan markah tertinggi.

**Kriteria utama yang Dinilai:**

1. Penerbitan artikel dalam jurnal berindeks, tidak berindeks serta lain-lain penerbitan berkaitan bidang harta intelek.
2. Pemfailan pelbagai kategori harta intelek termasuk borang pendedahan reka cipta untuk proses pemfailan, termasuk:
  - a. Patent/UI
  - b. Rekabentuk Industri
  - c. Cap Dagangan
  - d. Hak cipta
  - e. Reka Bentuk Susunatur Litar Tertutup
  - f. Rahsia Dagangan
  - g. Pemfailan Paten/UI/Rekabentuk Industri di luar negara (markah bonus)
3. Penerimaan/pendaftaran harta intelek pelbagai kategori termasuk;
  - a. Patent/UI
  - b. Rekabentuk Industri
  - c. Cap Dagangan
  - d. Hak cipta
  - e. Reka Bentuk Susunatur Litar Tertutup
  - f. Pendaftaran Paten/UI/Rekabentuk Industri di luar negara (markah bonus)
4. Pra-komersialisasi harta intelek.
5. Komersialisasi harta intelek, termasuk penjana pendapatan, perjanjian pengkomersialan dan penubuhan Syarikat Hiliran.
6. Anugerah berkaitan produk/reka cipta berkenaan di peringkat UTM, Kebangsaan dan Antarabangsa.
7. Anugerah Khas Perekacipta yang diterima ATAU pengiktirafan/pelantikan daripada Badan Profesional yang diiktiraf di peringkat UTM, Kebangsaan dan Antarabangsa.
8. Impak harta intelek/reka cipta terhadap perkembangan dan pembangunan komuniti dan industri.

## **5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN**

### **4.1 Kaedah Penilaian dan Pemarkahan**

Pemarkahan adalah berdasarkan kriteria utama seperti di **Lampiran 1**.

## 6.0 JADUAL PERLAKSANAAN

Jadual kerja pelaksanaan penilaian anugerah adalah seperti berikut:

<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tindakan</b>
Mesyuarat Semakan Kriteria Anugerah dan gerak kerja	9 Jan 2024	Sekretariat Anugerah
Proses penyediaan dan kemas kini maklumat dan kriteria Anugerah	9 Jan - 10 Feb	Sekretariat Anugerah
Penghantaran <i>softcopy</i> cadangan Kriteria Anugerah Kepada Urusetia	12 Feb	Sekretariat Anugerah
Mesyuarat Jawatankuasa Induk Citra Karisma Bil 1/2024 – Pembentangan Kriteria Anugerah	20 Februari	Sekretariat Anugerah
Perlantikan rasmi Panel Anugerah	22 Feb	Sekretariat Anugerah
Proses draf iklan hebahan berpusat Anugerah Citra Karisma	21 Feb – 3 Mac	Sekretariat Anugerah
Hebahan anugerah ke email	5-31 Mac	Sekretariat Anugerah
Tarikh Tutup Permohonan Anugerah	31 Mac	Sekretariat Anugerah
Proses pencalonan dan semakan dokumen dan kemasukan markah Anugerah	1 – 30 April	Sekretariat Anugerah
Mesyuarat Penilaian dan Penentuan Penerima Anugerah	6 Mei	Sekretariat Anugerah
Penyediaan maklumat finalis dan penerima Anugerah untuk pembentangan	7-16 Mei	Sekretariat Anugerah
Mesyuarat Jawatankuasa Induk Citra Karisma Bil 2/2024	23 Mei	Urusetia Anugerah
Penghantaran maklumat finalis dan penerima Anugerah kepada Urusetia Citra Karisma (write-up)	30 Mei-20 Jun	Sekretariat Anugerah
Majlis Citra Karisma 2024	14 Ogos	Urusetia Anugerah

## 7.0 KOS ANUGERAH

### a) Kos Hadiah

Bidang	Pemenang	Hadiah
Sains & Teknologi	1 pemenang	RM1,000 dan trofi+sijil
Sains Sosial	1 pemenang	RM1,000 dan trofi+ sijil
Penghargaan		Sijil Penghargaan

### b) Lain-lain Kos

Bayaran honorarium panel industri sebanyak RM300.

## 8.0 SENARAI JAWATANKUASA ANUGERAH

### 8.1 Jawatankuasa dan Panel Penilai

Jawatan	PTJ/Organisasi
Pengerusi	<b>Prof. Madya Ts Dr. Noor Azurati binti Ahmad@Salleh</b> Pengarah Pusat Inovasi & Pengkomersilan
Ahli Panel	<b>Prof. Dr. Kamalrulnizam bin Abu Bakar</b> Pengerusi <i>Smart Digital Community Research Alliance</i>
	<b>Prof. Ir. Dr. Haslenda binti Hashim</b> Pengerusi <i>Resource Sustainability Research Alliance</i>
	<b>Prof. Madya Dr. Mohd Farid bin Muhamad Said</b> Pengerusi <i>Innovative Engineering Research Alliance</i>
	<b>Prof. Madya. Ir. Ts. Dr. Roshanida binti A. Rahman</b> Pengerusi <i>Health And Wellness Research Alliance</i>
	<b>Prof. Ts. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan bin Othman</b> Pengerusi <i>Frontier Materials Research Alliance</i>
	<b>Encik Irfan Awang</b> Patenstworth International Sdn. Bhd.
	<b>Prof. Madya Dr. Siti Hamidah Mohd Setapar</b> Pemenang Anugerah Perekacipta kategori Sains & Teknologi 2023

Jawatan	PTJ/Organisasi
	<b>Prof. Madya Ts. Dr . Dayana Farzeeha</b> Pemenang Anugerah Perekacipta kategori Sains & Teknologi 2023
	<b>Prof. Dr. Mat Uzir bin Wahit</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Tenaga (FKT)
	<b>Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Ahmad Safuan bin A. Rashid</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)
	<b>Prof. Madya Ts. Dr. Muhamad Azizi bin Mat Yajid</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
	<b>Prof. Dr. Syed Abdul Rahman bin Syed Abu Bakar</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
	<b>Prof. Madya Dr. Siti Zaiton binti Mohd Hashim</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Komputeran (FK)
	<b>Prof. Dr. Muhammad Zaly Shah bin Muhammad Hussein</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Alam Bina Dan Ukur (FABU)
	<b>Prof. Dr. Suhairul bin Hashim</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Sains (FS)
	<b>Prof. Madya Ts. Dr . Dayana Farzeeha</b> Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)
	<b>Prof. Madya Dr. Mahadi bin Bahari</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Pengurusan
	<b>Prof. Madya Dr. Roslina binti Ibrahim</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Fakulti Teknologi & Informatik Razak (RFTI)
	<b>Prof. Madya Dr. Haliyana binti Khalid</b> Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)
	<b>Puan Norlinda Ali</b>

<b>Jawatan</b>	<b>PTJ/Organisasi</b>
Setiausaha	Pegawai Penyelidik Sosial Pusat Inovasi & Pengkomersilan
	<b>Puan Masliyana Bte Khalid</b> Pembantu Tadbir P/O Kanan Pusat Inovasi & Pengkomersilan

**Nota:**

Terdapat dua (2) orang panel daripada industri telah dilantik sebagai salah seorang Panel Penilai Anugerah dalam mendapatkan pandangan dan idea luar daripada industri dalam menilai seorang perekacipta. Beliau adalah merupakan salah satu ejen paten UTM yang prominen dan berpengalaman luas dalam bidang harta intelek.

**Lampiran 1**

**PANDUAN KRITERIA ANUGERAH PEREKACIPTA 2024**

<b>Bil.</b>	<b>Bidang</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Bahan Bukti</b>	<b>Markah Penuh</b>
1.	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<b>Penerbitan artikel</b> berkaitan bidang harta intelek. Terdapat tiga kategori penerbitan jurnal: 1. Jurnal Berindeks 2. Jurnal Tidak Berindeks 3. Lain-lain Penerbitan (artikel majalah/akhbar, bab dalam buku dll)	Salinan jurnal/penerbitan yang berkaitan.	<b>10%</b>
2.		<b>Pemfailan :</b>		<b>30%</b>
	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<b>Invention Disclosure</b> Dokumen pendedahan reka cipta yang dihantar untuk proses pemfailan (termasuk melalui INNOCOMMS atau terus kepada MyIPO).	Salinan Borang <i>Invention Disclosure</i> daripada ICC/MyIPO.	
	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b>	<b>Paten/UI</b> Pemfailan Paten/UI yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori pemfailan: 1. Paten/UI Perakcipta Utama 2. Paten/UI Perakcipta Bersama	Salinan dokumen pemfailan harta intelek daripada ICC/MyIPO.	
	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<b>Reka Bentuk Industri</b> Pemfailan Reka Bentuk Industri yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori pemfailan: 1. Reka Bentuk Industri Perakcipta Utama 2. Reka Bentuk Industri Perakcipta Bersama	Paten/UI: Sijil Pemfailan ( <i>Certificate of Filing</i> )  Reka Bentuk Industri: ID Form 1	
	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<b>Cap Dagangan</b> Pemfailan Cap Dagangan yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori pemfailan: 1. Cap Dagangan Perakcipta Utama	Cap Dagangan: Borang TMA2A/TMA2B	

		2. Cap Dagangan Industri Perecipta Bersama	Hak Cipta: Borang CR1 yang telah diluluskan oleh MyIPO beserta <i>Statutory Declaration</i> .	
	<b>Sains Sosial</b>	<b>Hak Cipta</b> Pemfailan Hak Cipta yang telah dibuat di MyIPO. Markah Hak Cipta bagi bidang Sains Sosial akan disetarakan dengan markah pemfailan Paten/UI bagi bidang Sains & Teknologi. Terdapat dua kategori pemfailan: 1. Hak Cipta Perecipta Utama 2. Hak Cipta Perecipta Bersama	Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu: <i>Statutory Declaration</i>  Rahsia Dagangan: Surat pemfailan daripada ICC.	
	<b>Sains Sosial</b>	<b>Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu</b> Pemfailan Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori pemfailan: 1. Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu Perecipta Utama 2. Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu Perecipta Bersama		
	<b>Sains Sosial</b>	<b>Rahsia Dagangan</b> Pemfailan Rahsia Dagangan yang telah dibuat di ICC. Terdapat dua kategori pemfailan: 1. Rahsia Dagangan Perecipta Utama 2. Rahsia Dagangan Perecipta Bersama		
3.		<b>Penerimaan/Pendaftaran:</b>		
	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b>	<b>Paten/UI</b> Penerimaan Paten/UI yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori penerimaan: 1. Paten/UI Perecipta Utama 2. Paten/UI Perecipta Bersama	Salinan sijil penerimaan/pendaftaran harta intelek daripada MyIPO.  Paten: <i>Certificate of Grant</i>	
	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<b>Reka Bentuk Industri</b> Pendaftaran Reka Bentuk Industri yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori pendaftaran: 1. Reka Bentuk Industri Perecipta Utama	UI: <i>Certificate for Utility Innovation/Certificate of Grant</i>	



		2. Reka Bentuk Industri Perecipta Bersama	Reka Bentuk Industri: <i>Certificate of Registered ID</i>	
	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<b>Cap Dagangan</b> Pendaftaran Cap Dagangan yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori pendaftaran: 1. Cap Dagangan Perecipta Utama 2. Cap Dagangan Industri Perecipta Bersama	Cap Dagangan: <i>Certificate of Registered Mark</i>	
	<b>Sains &amp; Teknologi</b>	<b>Hak Cipta/Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu/Rahsia Dagangan</b> Hanya pendaftaran bagi Perecipta Utama.	Hak Cipta: Sijil Pendaftaran	
	<b>Sains Sosial</b>	<b>Hak Cipta</b> Pendaftaran Hak Cipta yang telah dibuat di MyIPO. Markah Hak Cipta bagi bidang Sains Sosial akan disetarakan dengan markah penerimaan Paten/UI bagi bidang Sains & Teknologi. Terdapat dua kategori pendaftaran: 1. Hak Cipta Perecipta Utama 2. Hak Cipta Perecipta Bersama		
	<b>Sains Sosial</b>	<b>Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu</b> Pendaftaran Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu yang telah dibuat di MyIPO. Terdapat dua kategori pendaftaran: 1. Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu Perecipta Utama 2. Reka Bentuk Susunatur Litar Bersepadu Perecipta Bersama		
4.	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<b>Pra-komersialisasi Harta Intelek</b> Geran <i>prototype</i> dan yang setara yang diterima dalam penambahbaikan <i>prototype</i> dan proses pengkomersialan harta intelek yang telah difailkan. Terbahagi kepada tiga peringkat: <b>1. UTM</b> a. <RM50,000 b. RM50,000 - RM499,999 c. RM500,000 - RM999,999	Salinan surat ICC/RMC	<b>15%</b>

		<p>d. &gt;RM1,000,000</p> <p><b>2. Kebangsaan</b></p> <p>a. &lt;RM50,000</p> <p>b. RM50,000 - RM499,999</p> <p>c. RM500,000 - RM999,999</p> <p>d. &gt;RM1,000,000</p> <p><b>3. Antarbangsa</b></p> <p>a. &lt;RM50,000</p> <p>b. RM50,000 - RM499,999</p> <p>c. RM500,000 - RM999,999</p> <p>d. &gt;RM1,000,000</p>		
5.		Komersialisasi Harta Intelekt:		<b>8%</b>
	<p>i) <b>Sains &amp; Teknologi</b></p> <p>ii) <b>Sains Sosial</b></p>	<p><b>Jumlah penjanaan pendapatan</b></p> <p>Jumlah penjanaan pendapatan daripada harta intelek yang difailkan yang disalurkan melalui PTJ yang diiktiraf (UTIM, UTSB, Syarikat Hiliran). Terbahagi kepada tiga peringkat:</p> <p>1. &lt;RM20,000</p> <p>2. RM20,000 - RM50,000</p> <p>3. &gt;RM50,000</p>	Salinan lejer pendapatan daripada PTJ yang berkaitan atau cek pelanggan (dalam bentuk equity, share/profit sharing) <sup>2</sup>	
	<p>i) <b>Sains &amp; Teknologi</b></p> <p>ii) <b>Sains Sosial</b></p>	<p><b>MOA</b></p> <p>Perjanjian pengkomersialan industri-universiti pada tahun semasa (kecuali perjanjian pelesenan kepada Syarikat Hiliran).</p>	Salinan perjanjian yang telah ditandatangani dan dimatikan setem.	<b>2%</b>
	<p>i) <b>Sains &amp; Teknologi</b></p> <p>ii) <b>Sains Sosial</b></p>	<p><b>Syarikat Hiliran</b></p> <p>Penubuhan Syarikat Hiliran yang mengkomersialkan Harta Intelekt UTM.</p>	Surat kelulusan penubuhan Syarikat Hiliran daripada ICC.	

6.	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<p><b>Anugerah Produk</b> Anugerah yang diterima dalam program pertandingan teknologi yang iktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang menggunakan Harta Intelek berkaitan. Terdapat tiga peringkat anugerah diambil kira:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. UTM</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Emas/Anugerah Khas</li> <li>b. Perak</li> <li>c. Gangsa</li> </ol> </li> <li><b>2. Kebangsaan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Emas/Anugerah Khas</li> <li>b. Perak</li> <li>c. Gangsa</li> </ol> </li> <li><b>3. Antarabangsa</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Emas/Anugerah Khas</li> <li>b. Perak</li> <li>c. Gangsa</li> </ol> </li> </ol>	<p>Salinan sijil penerimaan anugerah daripada pihak berkaitan.</p> <p>contoh: PECIPTA SIIF British Invention Show (BIS) Amerika Syarikat - Pittsburgh Remodeling Expo, Invention &amp; New Product Exposition (INPEX) Germany International Trade Fair Ideas - Inventions - New Products (IENA), Nuremburg MTE ITEX BioMalaysia &amp; Asia Pacific Bioeconomy</p>	<b>10%</b>
7.	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<p><b>Anugerah Khas Perekacipta</b> Anugerah khas yang diterima oleh Perekacipta atas reputasi dan kredibiliti sebagai perekacipta. Contoh anugerah; Anugerah Best Innovators, Anugerah Keusahawanan Johor, Anugerah Tokoh Penyelidik dll. Terdapat tiga peringkat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. UTM</li> <li>2. Kebangsaan</li> <li>3. Antarabangsa</li> </ol> <p><b>ATAU</b></p> <p><b>Pengiktirafan</b> Pengiktirafan/pelantikan Perekacipta dalam Bidang Professional, Jawatankuasa, Panel dll daripada Badan Professional yang diiktiraf. Terdapat tiga kategori pengiktirafan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. UTM</li> <li>2. Kebangsaan</li> </ol>	<p>Salinan surat/sijil pengiktirafan/pelantikan daripada badan-badan profesional yang diiktiraf.</p>	<b>5%</b>  <b>5%</b>

		3. Antarabangsa		
8.	i) <b>Sains &amp; Teknologi</b> ii) <b>Sains Sosial</b>	<p><b>Impak</b> Penilaian impak merangkumi penilaian dokumentasi dan penilaian akan dilaksanakan berdasarkan rubrik berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Liputan berita/penerbitan berkaitan reka cipta (kebolehlihatan reka cipta); dan/atau (2%)</li> <li>b) Kolaborasi bersama pemegang taruh; industri atau komuniti dalam penghasilan dan pengkomersialkan produk berdasarkan harta intelek; dan/atau (3%)</li> <li>c) Usaha ke arah kelestarian perniagaan, perkembangan pasaran, penambahbaikan produk dan pelaburan semula R&amp;D; dan/atau (2%)</li> <li>d) Menyumbang kepada ekonomi negara melalui peningkatan jualan kasar, peningkatan pembayaran cukai dan aliran tunai; dan/atau (3%)</li> <li>e) Penjanaan peluang pekerjaan dan perniagaan baru; dan/atau (2%)</li> <li>f) Peningkatan kualiti hidup termasuk kepada alam sekitar dan kemanusiaan (contoh; penjimatan tenaga, pengurangan penghasilan CO<sub>2</sub>, kemudahan golongan OKU, pengurangan toksik dalam makanan dll).(3%)</li> </ul> <p>Penilaian impak merangkumi penilaian dokumentasi dan penghantaran video ( 5 minit) –template based on kriteria. pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi interview.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Salinan penerbitan liputan yang berkaitan.</li> <li>b) Salinan MoU/MoA/ perjanjian lain yang telah ditandatangani dan dimatikan setem.</li> <li>c) Perancangan hala tuju reka cipta (pengkomersialan dll), <i>business plan</i>, analisa pasaran dll.</li> <li>d) Laporan kewangan teraudit TIGA tahun terkebelakang.</li> <li>e) Bukti bilangan pekerja aktif, pelajar praktikal dan rangkaian perniagaan seperti cawangan, pengedar, stokis, dropshippers, ejen dll.</li> <li>f) Analisa borang kaji selidik (sebelum dan selepas pengaplikasian rekacipta), pelaporan, testimoni, komen atau pembuktian lain yang berkaitan.</li> </ul>	<b>15%</b>
			<b>JUMLAH MARKAH PENUH</b>	<b>100%</b>

**Nota:**

Terdapat empat kriteria utama dijadikan sebagai markah bonus iaitu Pemfailan dan Penerimaan/Pendaftaran harta intelek di luar negara dan Pemfailan dan Penerimaan/Pendaftaran Paten bagi bidang Sains Sosial yang akan membawa nilai sebanyak **5%**. Pemarkahan bonus ini mengambil kira tren semasa pemfailan harta intelek ke luar negara dan pemfailan paten bagi bidang Sains Sosial amat sukar diperolehi.